

BU 17 MAY 1991

Kabinet masih kaji cadangan OPP

SUNGAI BULOH, Khamis — Kabinet masih mengkaji cadangan Pelan Perspektif Dasar Ekonomi Negara (OPP) bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru dan akan membuat keputusan tidak lama lagi, kata Perdana Menteri, ~~Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad~~.

Perdana Menteri berkata, kajian dan perbincangan terhadap OPP itu dilakukan selepas kerajaan menerima laporan Majlis Perunding

Ekonomi Negara (MPEN).

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mesyuarat pertama Kabinet yang diadakan pagi tadi bagi membincang dan meneliti laporan OPP.

"Kabinet mengkaji OPP dengan mengambil kira laporan dan cadangan MPEN," katanya.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini Kabinet belum membuat sebarang keputusan.

"Kita tidak mengambil perkataan demi perkataan cadangan dan laporan MPEN itu tetapi kita terima aliran fikiran MPEN," katanya.

Mengenai mesyuarat Kabinet di Kuching, Rabu ini, beliau berkata, tujuannya supaya jemaah menteri boleh bertukar angin dan melihat tempat lain.

Ia akan menjadi mesyuarat Kabinet yang kedua diadakan di luar Kuala Lumpur. Sebelum ini di Pulau Langkawi.